

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

HSK 402 - Sejarah: Teori dan Kaedah

Tarikh: 31 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari.
(3 jam)

Jawab EMPAT(4) soalan, termasuk sekurang-kurangnya SATU(1) soalan daripada setiap Bahagian A, B dan C.

BAHAGIAN A

1. "Pensejarahan Yunani adalah bertujuan memberi perhatian khas kepada peperangan dan revolusi politik, kerana peristiwa-peristiwa tersebut mencetuskan perubahan-perubahan yang penting." (A.Momigliano)

Dengan merujuk kepada pernyataan ini, huraikan ciri-ciri keistimewaan yang mendukung pensejarahan Yunani pada abad yang ke 5 S.M..

2. "Teori Marx telah berperanan sebagai pengaruh utama dalam memodenkan penulisan sejarah." (E.J.Hobsbawm)

Nilaikan kesahan pandangan ini.

3. "Sejarah kuantitatif yang dianjurkan oleh aliran Annales mempunyai batasan-batasan." (F.Furet)

Bincangkan.

BAHAGIAN B

4. Sejauh manakah hikayat atau babad itu boleh dijadikan sumber sejarah? Perbincangan anda harus merujuk kepada pensejarahan sama ada Malaysia atau negeri Thai atau Burma.

.../2

5. "Karya penulis-penulis nasionalis itu sebenarnya tidak berbeza daripada karya penulis-penulis Marxis, iaitu kesemuanya menghasilkan sejarah yang bersifat dakyah."

Bincangkan.

BAHAGIAN C

6. "Penjelesan dalam bidang sejarah mesti jauh berbeza daripada penjelasan dalam sains semulajadi kerana kejadian-kejadian yang dikaji oleh ahli sejarah adalah khusus bagi satu tempuh masa dan satu tempat."

Bincangkan.

7. "Fakta-fakta sejarah memerlukan suatu ukuran pentafsiran; dan pentafsiran sejarah sentiasa melibatkan pengadilan moral." (E.H.Carr)

Bincangkan sama ada ini bermaksud bahawa seorang ahli sejarah tidak dapat melarikan diri daripada menjatuhkan hukuman moral.

8. Mengikut C.A.Beard sejarah tidak berkeupayaan untuk memaparkan realiti dengan tepat dan lengkap kerana para ahli sejarah dipengaruhi oleh "prasangka, kepercayaan, kegemaran, asuhan am, dan pengalaman mereka, terutama sosial dan ekonomik."

Dengan merujuk kepada pernyataan ini, bincangkan masalah objektiviti dalam kajian sejarah.

-ooo000ooo-